



DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBANGUN DAN
MENYEDIAKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT (INTELLIX)
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

SEBUT HARGA MyCC (S) BIL: 9/2024

DISEDIAKAN OLEH :

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)
Tingkat 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
TEL: 03-2273 2277
FAX: 03-2272 2293**

Peringatan :

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	KENYATAAN SEBUT HARGA	4
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA	5
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	5
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	6
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	6
6.0	PERTANYAAN	8
7.0	HARGA TAWARAN	8
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	8
9.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	8
10.0	SURAT SETUJU TERIMA SEBUT HARGA	8
11.0	KONTRAK	9
12.0	DUTI SETEM	9
13.0	PERINGATAN MENGENAI RASUAH	9
14.0	PENERIMAAN SEBUT HARGA	10
15.0	KADAR DENDA	10
16.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	10

LAMPIRAN	NAMA LAMPIRAN	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	12
LAMPIRAN A1	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL PERKHIDMATAN MEMBANGUN DAN MENYEDIAKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT (INTELLIX)	13
LAMPIRAN A2	PENYERAHAN CADANGAN REKABENTUK SISTEM	53
LAMPIRAN A3	CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN	54
LAMPIRAN B	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	55
LAMPIRAN B1	SURAT AKUAN PEMBIDA	57
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN	59
LAMPIRAN B3	SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA	60
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	61
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	65
LAMPIRAN B6	JADUAL HARGA SPESIFIKASI MEMBANGUN DAN MENYEDIAKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT (INTELLIX)	68
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR (JULAI, OGOS & SEPTEMBER)	69
LAMPIRAN B8	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	70

Semua penyebutharga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

1.0 KENYATAAN SEBUT HARGA

1.1 Tujuan Sebut Harga

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat tawaran pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Penyebutharga dikehendaki membekalkan perkhidmatan membangun dan menyediakan sistem pengurusan maklumat (Intellix) Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
- 1.1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan–arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

1.2 Tempoh Sebut Harga

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **21 hari kalendar bermula pada 22 Oktober 2024 (Selasa) dan tarikh tutup sebut harga adalah pada 12 November 2024 (Selasa).**
- 1.2.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 12 November 2024**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

1.3 Harga Indikatif

- 1.3.1 Harga Indikatif Jabatan bagi perkhidmatan ini adalah sebanyak RM250,000.00. Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Suruhanjaya atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak Suruhanjaya tidak menjamin bahawa penyebut harga akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai tawaran sebut harga

2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang ***Software/System Development (210104)***.
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.
- 2.1.3 Penyebut harga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** ataupun **bukan bumiputera**. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Tawaran sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Sebut Harga"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebut harga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam membangun sistem yang berkaitan;
- 2.1.6 Penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan penyebut harga ditolak;

3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan–kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Sebut Harga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebut harga. Tandatangani ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

- 4.1 Penyebut harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B4** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebut harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat **Lampiran B8**.

5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Tawaran Sebut Harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. **Kategori Teknikal**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah di jilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta

hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

- 5.2 Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi:
Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

**BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Tingkat 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
MyCC(S) Bil:9/2024**

- 5.3 Penyebut harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:
**BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.**
- 5.4 Serahan Dokumen Sebut Harga secara emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.5 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh penyebut harga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.6 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.7 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari**, pada **12 November 2024.**

- 5.8 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

6.0 PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai Sebut Harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

Encik Abdul Karim Bin Abdul Shukor

Tel: 03-2273 2277 ext: 407

Emel: abdulkarim@mycc.gov.my

ATAU

Cik Haffini

Tel: 03-2273 2277 ext: 204

Emel: haffini@mycc.gov.my

7.0 HARGA TAWARAN

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut Harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN

- 8.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum Sebut Harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

9.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

- 9.1 Tempoh sah laku Sebut Harga ini ialah selama 90 hari bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

10.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 10.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab Sebut Harga mereka tidak berjaya.

- 10.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Suruhanjaya dan adalah terikat dengan syarat dan terma yang terkandung dalam Perjanjian tersebut.

11.0 KONTRAK

- 11.1 Surat perjanjian tidak akan diadakan bagi kontrak yang bernilai kurang daripada RM50,000.00 sementara bagi kontrak yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 satu perjanjian akan diadakan. Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan syarat-syarat perjanjian tersebut. Sebarang pindaan terhadap dokumen kontrak akan diberitahu kelak. Syarat-syarat dalam penentuan Sebut Harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- 11.2 Bagi kontrak bermasa (*time contract*), jumlah kuantiti adalah anggaran sahaja bagi tempoh kontrak yang ditetapkan.
- 11.3 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyediakan kontrak asal serta salinan-salinan fotostat kontrak yang mana segala perbelanjaan tersebut adalah ditanggung oleh penyebut harga.

12.0 DUTI SETEM

- 12.1 Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh penyebut harga.

13.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 13.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 13.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 13.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

14.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 14.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran Sebut Harga.

15.0 KADAR DENDA

- 15.1 Penyebut harga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda sekiranya berlaku kesalahan seperti berikut :
- i. Penyebut harga gagal menepati kualiti perkhidmatan akan dikenakan potongan bil menurut kadar 10% daripada jumlah harga perkhidmatan yang ditawarkan.
 - ii. Penyebut harga gagal melakukan perkhidmatan berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan SURUHANJAYA maka akan dikenakan denda sebanyak 5% dari nilai perkhidmatan tersebut. (*kadar denda tertakluk kepada perubahan sekiranya ada).

16.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

16.1 PEMBAYARAN

- 16.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

16.2 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHKAN UNDANG-UNDANG

- 16.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, perkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis

dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

16.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

16.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

16.3 **PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA**

Sekiranya didapati penyebut harga terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2
(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)

KATEGORI TEKNIKAL

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK
KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebut harga hendaklah memastikan Kategori Teknikal adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah dan **tidak menyatakan nama atau logo syarikat** di dalam Kategori Teknikal. Kegagalan penyebut harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (S), Bil.9/2024 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Jadual Teknikal Spesifikasi Perkhidmatan Membangun Dan Menyediakan Sistem Pengurusan Maklumat (Intellix) yang telah diisi dan dilengkapi (Lampiran A1)			
2.	Penyerahan Cadangan Rekabentuk Sistem (Lampiran A2)			
3.	Cadangan Jadual Pelaksanaan (Lampiran A3)			

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

Perkhidmatan Membangun dan Menyediakan Sistem Pengurusan Maklumat (Intellix) Suruhanjaya Persaingan Malaysia

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUNKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT (INTELLIX) SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA				
1.0	ANALISIS KEPERLUAN SISTEM			
1.1	Petender perlu melaksanakan analisis keperluan untuk Sistem IntelliX secara terperinci tidak terhad seperti di bawah : (Mandatori) <ul style="list-style-type: none"> i. Analisis Keperluan Pengguna dan Sistem ii. Analisis Keperluan Rekabentuk Sistem iii. Analisis Keperluan Pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) iv. Analisis Keperluan yang juga mengambilkira Hasil Kajian Blueprint Pembangunan Sistem dan Aplikasi Mobil IntelliX. 			
1.2	Petender perlu mengambilkira skop yang terlibat bagi menghasilkan dokumen Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) dan menterjemahkan menjadi keperluan sistem. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
1.3	Analisis keperluan sistem perlu mengandungi keterangan terperinci Sistem IntelliX yang akan dibangunkan dari aspek fungsian, perkhidmatan dan kekangan operasi sistem yang diklasifikasikan kepada dua jenis keperluan iaitu keperluan fungsian dan bukan fungsian bagi menghasilkan dokumen Spesifikasi Keperluan Sistem (SRS). (Mandatori)			
1.4	Petender perlu menghasilkan prototaip Sistem IntelliX selepas analisis keperluan dilakukan. (Mandatori)			
1.5	Petender perlu menyediakan Pelan Pembangunan Sistem yang mengandungi perincian strategi dan pendekatan yang akan digunakan oleh MyCC dan pasukan projek dalam melaksanakan pembangunan Sistem IntelliX. (Mandatori)			
1.6	Petender perlu mengenal pasti teknologi dan tool yang sesuai bagi pembangunan Sistem IntelliX yang akan digunakan untuk mereka bentuk antaramuka, mereka bentuk proses dan mereka bentuk logikal pangkalan data. Teknologi yang dipilih juga akan digunakan semasa pelaksanaan fasa pembangunan, pengujian, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem aplikasi. (Mandatori)			
1.7	Petender perlu mereka bentuk pangkalan data logikal yang menterjemahkan model maklumat konseptual yang akan digunakan untuk mereka bentuk pangkalan data fizikal dan seterusnya membangunkan pangkalan data sebenar. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
1.8	Petender perlu mereka bentuk antara muka pengguna (UI) bagi membangunkan UI yang berpandukan kepada rangka kerja, prinsip dan elemen asas UI/UX dan selaras dengan trend reka bentuk terkini; dan menyediakan jadual rujukan bagi pemetaan di antara UI dengan medan dalam pangkalan data. (Mandatori)			
1.9	Petender perlu mereka bentuk transaksi sistem yang merupakan spesifikasi terperinci sesuatu Use Case bagi membangunkan senario Use Case bagi setiap Use Case selari dengan reka bentuk UI yang telah disediakan. (Mandatori)			
1.10	Petender perlu merujuk kepada Keperluan Migrasi Data dan Keperluan Integrasi Sistem bagi penyediaan Reka Bentuk Migrasi dan Reka Bentuk Integrasi. (Mandatori)			
1.11	Petender perlu menyediakan Spesifikasi Reka Bentuk Sistem (SDS) yang mengandungi semua reka bentuk di atas. (Mandatori)			
1.12	Petender perlu menyediakan dan menyerahkan dokumentasi lengkap dan menyeluruh (hardcopy dan softcopy) untuk skop Analisis Keperluan Sistem IntelliX tidak terhad kepada seperti berikut: i. Pelan Pembangunan Sistem ii. Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) iii. Spesifikasi Keperluan Sistem (SRS) iv. Spesifikasi Reka bentuk Sistem (SDS) (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.0	PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN (IntelliX)			
2.1	PEMBANGUNAN APLIKASI			
2.1.1	<p>Petender perlu mengkaji, menganalisa, mencadang, mereka bentuk, membangun, mengintegrasikan, memasang, menguji dan mentauliah Sistem IntelliX bagi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (IED). Modul-modul yang telah dikenal pasti bagi Sistem IntelliX adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Modul Pengurusan Aduan ii. Modul Pengurusan Siasatan iii. Modul Pasca Siasatan. <p>*Petender juga boleh mencadangkan modul lain yang bersesuaian bagi pembangunan Sistem IntelliX MyCC. (Mandatori)</p>			
2.1.2	Petender perlu membangunkan dan melaksanakan Sistem IntelliX mengikut Jadual Pelaksanaan Projek seperti yang telah ditetapkan. (Mandatori)			
2.1.3	Petender perlu membangunkan setiap modul Sistem IntelliX yang mengambil kira (tidak terhad kepada) spesifikasi seperti di Lampiran A1: Keterangan Ringkas IntelliX. Skop pembangunan setiap modul adalah bermula daripada pembangunan pangkalan data, pengaturcaraan, pengujian sistem, pengujian penerimaan pengguna			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	(UAT), pengujian penerimaan sementara pengguna (PAT) dan pengujian penerimaan akhir pengguna (FAT). (Mandatori)			
2.1.4	<p>Petender perlu memastikan adaptasi elemen Emerging Technology (ET) dilaksanakan dalam pembangunan semua modul Sistem IntelliX tidak terhad kepada ciri-ciri teknologi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Analitik Data Raya/ Gudang Data ii. Automasi/ Robotic Process Automation iii. AI Chatbox (Petender boleh cadangkan mekanisme lain yang berkonsepkan AI) iv. Machine Learning / Pattern Recognition (Mandatori) 			
2.1.5	<p>Petender perlu mencadangkan satu solusi pembangunan sistem yang menyeluruh, kebolehskalaan, selamat dan menggunakan teknologi terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Cadangan development framework yang akan digunakan bagi pembangunan sistem aplikasi (contoh Laravel, ASP.NET, Yii, Code Igniter, Angular, Spring). ii. Petender diminta untuk menyatakan cadangan front-end technologies yang akan digunakan bagi pembangunan sistem. Contohnya HTML, CSS, JavaScript, ReactJS, Angular, Vue atau lain-lain. iii. Petender diminta untuk menyatakan cadangan back-end technologies yang akan digunakan bagi pembangunan sistem. 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	<p>Contohnya PHP, Python, JavaScript, Java, Ruby, Go atau lain-lain;</p> <p>iv. Petender diminta untuk mencadangkan tools yang akan digunakan bagi pembangunan Dashboard Sistem IntelliX; dan</p> <p>v. Lain-lain Maklumat Tambahan/ Value Added Services (Sekiranya ada). Sila nyatakan dalam Jadual T3: Ringkasan Eksekutif Cadangan Pelaksanaan Projek. (Mandatori)</p>			
2.1.6	<p>Petender perlu memastikan kod sumber dibekalkan kepada MyCC adalah dalam bentuk raw programming language (bukan compiled version) sentiasa boleh dipinda dan dikonfigurasi untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa. Petender hendaklah menggunakan aplikasi kawalan versi tidak terhad kepada GitHub. (Mandatori)</p>			
2.1.7	<p>Petender perlu membangunkan repositori berpusat bagi data sistem IntelliX. (Mandatori)</p>			
2.1.8	<p>Petender perlu memastikan persekitaran sistem yang dibangunkan adalah secara digital sepenuhnya. (Mandatori)</p>			
2.1.9	<p>Petender perlu menjadikan Buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) sebagai rujukan utama semasa melaksanakan pembangunan sistem. Kaedah pembangunan aplikasi yang dicadangkan juga perlulah:</p> <p>a) dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan (sistem, data dan capaian) bagi mengelakkan pencerobohan sistem;</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	<p>b) mengambil kira keperluan teknologi terkini dengan mengaplikasikan ciri-ciri open standard platform yang memenuhi konsep interoperability, user friendly, mudah dicapai dan fleksibel; dan</p> <p>c) menggunakan metodologi pembangunan sistem yang bersesuaian untuk menstruktur, merancang dan mengawal proses pembangunan sistem aplikasi. (Mandatori)</p>			
2.1.10	<p>Petender perlu mewujudkan dan melaksanakan konfigurasi di persekitaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Production; ii. Staging; dan iii. Development di PDSA (Mandatori) 			
2.1.11	<p>a) Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan berasaskan ciri-ciri web based dan portal web serta berupaya diakses oleh pelbagai pengguna melalui pelayar utama (web browser) terkini dan tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Chrome; ii. Firefox; iii. Microsoft Edge; dan iv. Safari. 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	b) Petender perlu menyediakan pemakluman (pop-up) sistem sekiranya versi yang digunakan oleh pengguna adalah lebih rendah. (Mandatori)			
2.1.12	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan dapat menghasilkan paparan aplikasi (Graphic User Interface (GUI)) yang mesra pengguna, mempunyai ciri-ciri dinamik, reliable, robustness dan responsive, serta menyokong ciri-ciri interoperability, scalability dan sustainability. (Mandatori)			
2.1.13	Petender perlu membangunkan sistem aplikasi yang boleh dicapai oleh pengguna sistem berdaftar dan sah sahaja. Log masuk sistem perlu menyokong multi-factor authentication (MFA) yang bersesuaian. (Mandatori)			
2.1.14	Petender perlu memastikan sistem aplikasi yang telah berjaya diuji dan memenuhi keperluan pengguna ditempatkan di persekitaran production. (Mandatori)			
2.1.15	Petender perlu melaksanakan pembaikan sistem aplikasi secara menyeluruh dan merupakan penyelesaian kekal bagi memastikan sistem berfungsi dengan lancar. (Mandatori)			
2.1.16	Petender perlu membangunkan sistem yang berupaya menjana laporan yang interaktif dan dinamik secara <i>real-time</i> dan mempunyai keupayaan analisis secara visual (<i>visual analytic</i>). (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPEKIFIKASI MINIMA	SPEKIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.1.17	Petender perlu membangunkan sistem yang boleh beroperasi 24x6 dengan tahap ketersediaan sistem pada tahap 99%. (Mandatori)			
2.1.18	Petender perlu membangunkan sistem menggunakan <i>secured coding practices</i> . (Mandatori)			
2.1.19	Petender perlu membangunkan sistem menggunakan <i>integrated development environment</i> dan mempunyai kawalan versi. (Mandatori)			
2.1.20	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan ditempatkan di persekitaran selamat (<i>secured environment</i>). (Mandatori)			
2.1.21	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan boleh dikonfigurasi, <i>customizable</i> dan ditambah dengan mudah. (Mandatori)			
2.1.22	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan menggunakan rekabentuk pembangunan sistem berasaskan <i>object oriented (agile)</i> . (Mandatori)			
2.1.23	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan menyediakan audit trail bagi semua transaksi untuk kegunaan teknikal dan pengguna. (Mandatori)			
2.1.24	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan menyediakan kemudahan dan menekankan kawalan muat naik dan muat turun dokumen mengikut saiz, format dan kaedah penyimpanan terkini			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	yang dipersetujui oleh pihak MyCC serta ditapis terlebih dahulu sebelum dimuat naik. (Mandatori)			
2.1.25	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan berupaya mengeluarkan notifikasi seperti emel dan <i>pop-up message</i> kepada pengguna sistem. (Mandatori)			
2.1.26	Petender perlu memastikan sistem yang dibangunkan menyediakan solusi secara end-to-end dengan mengkaji hubung kait di antara pelbagai modul yang memerlukan perkongsian dan pengemaskinian data terkini melalui rekabentuk pangkalan data yang bersepadu. (Mandatori)			
2.1.27	Petender perlu memastikan kod sumber termasuk pakej fail aplikasi yang telah dikompil dan workable HENDAKLAH dikemas kini dengan versi terkini dan diserahkan serta menjadi hak milik MyCC. (Mandatori)			
2.1.28	<p>Petender perlu memastikan sistem dapat menampung sekurang-kurangnya 10,000 concurrent users semasa waktu puncak. Sistem yang dibangunkan HENDAKLAH berupaya memenuhi masa tindakbalas (response time) mengikut kategori transaksi sekurang-kurangnya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Transaksi mudah (simple) seperti login, paparan – 2 hingga 4 saat ii. Transaksi sederhana (medium) Page 12 / 49 seperti carian, form submission – 5 hingga 9 saat 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	iii. Transaksi kompleks (complex) seperti penjaan laporan, integrasi dengan sistem luar – 10 hingga 15 saat. (Mandatori)			
2.2	PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA			
2.2.1	Petender perlu membangunkan pangkalan data fizikal berdasarkan kepada reka bentuk pangkalan data logikal dan arkitektur pangkalan data untuk tujuan pembangunan dan pengujian sistem. (Mandatori)			
2.2.2	Petender perlu membangunkan pangkalan data dengan menggunakan bahasa Structured Query Language (SQL) dan menggunakan perisian pangkalan data yang sesuai dan mudah di baca. (Mandatori)			
2.2.3	Petender perlu menyediakan Dokumen Pangkalan Data bagi setiap modul dan Dokumen Pangkalan Data keseluruhan dan HENDAKLAH dikemas kini dengan versi terkini dan diserahkan serta menjadi hak milik MyCC. (Mandatori)			
2.2.4	Petender perlu memastikan pangkalan data yang dibangunkan: a) Menyokong fungsi <i>High Availability</i> (HA); b) Menggunakan standard seperti <i>Naming Convension</i> dan <i>Abbreviation</i> ; dan c) Mengikut <i>standard Data Dictionary</i> Sektor Awam (DDSA). (Mandatori)			
2.2.5	Petender hendaklah mencadang, menyedia dan melaksanakan kaedah arkib yang dipersetujui oleh MyCC. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.2.6	Petender perlu menyediakan kaedah pemantauan status penghantaran dan penerimaan data yang melibatkan integrasi sistem luaran. (Mandatori)			
2.3	PENGATURCARAAN			
2.3.1	Petender perlu membangunkan/melaksanakan pengaturcaraan aplikasi bagi setiap modul untuk menghasilkan aplikasi Sistem IntelliX berdasarkan kepada spesifikasi reka bentuk sistem yang telah disediakan. (Mandatori)			
2.3.2	<p>Petender perlu menggunakan teknik dan amalan terbaik dalam pengaturcaraan agar dapat meningkatkan kualiti dan prestasi sistem aplikasi yang dihasilkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Penggunaan Teknik Pengaturcaraan Berstruktur (<i>Structure Programming</i>), Berorientasikan Objek (<i>Object-Oriented Programming</i>), dan Pengaturcaraan Web (<i>Web Programming</i>); b) Penggunaan Konvensyen Ulasan (<i>Commenting Convention</i>), Konvensyen Pemformatan (<i>Formatting Convention</i>), Konvensyen Penamaan (<i>Naming Convention</i>) dan Konvensyen Pengaturcaraan (<i>Programming Convention</i>); dan c) Pengaturcaraan Pangkalan Data – menggunakan <i>stored procedure</i>. (Mandatori) 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.3.3	Petender perlu menyediakan Dokumen Kod Sumber dan HENDAKLAH dikemas kini dengan versi terkini dan diserahkan serta menjadi hak milik MyCC. (Mandatori)			
2.4	PENGUJIAN SISTEM IntelliX			
2.4.1	Petender perlu melaksanakan pengujian sistem bagi tujuan verifikasi terhadap komponen atau sistem yang dibangunkan berdasarkan kepada spesifikasi keperluan dan reka bentuk sistem. (Mandatori)			
2.4.2	Petender perlu melaksanakan pengujian sistem pada pelbagai peringkat sebelum sistem diuji secara komprehensif di dalam fasa pengujian penerimaan yang merangkumi Ujian Unit/Komponen, Ujian Sub-Sistem/Modul, Ujian Integrasi dan Ujian Sistem. Semasa pengujian ini dilaksanakan, Petender HENDAKLAH memperbetulkan semua ralat yang dikesan dan unit/komponen/modul yang berkaitan tersebut akan diuji semula sehingga ralat berjaya diperbaiki. (Mandatori)			
2.4.3	Petender perlu melaksanakan pengujian sistem secara incremental testing iaitu pengujian dilakukan secara berperingkat bermula daripada pengujian unit/komponen terkecil sistem aplikasi seperti fungsi, kelas, prosedur dan antara muka (Ujian unit/komponen); diikuti dengan ujian modul (Ujian sub-sistem/modul); seterusnya menguji dua atau lebih modul/sistem/elemen perkakasan yang disepadukan (Ujian integrasi); dan akhirnya semua modul yang terlibat diuji secara menyeluruh (Ujian sistem). (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.4.4	Petender perlu menyediakan Laporan Ujian Sistem selepas pengujian sistem disempurnakan. (Mandatori)			
2.4.5	Petender perlu menyediakan Pelan Induk Pengujian dan disahkan oleh MyCC. Pelan Induk Pengujian ini merangkumi tetapi tidak terhad kepada objektif, strategi dan pendekatan ujian serta skop keseluruhan pengujian. Pelan Induk Pengujian ini HENDAKLAH mendapat persetujuan MyCC. (Mandatori)			
2.4.6	Petender perlu menyediakan persekitaran pengujian, pelan pengujian, skrip pengujian, set data pengujian dan laporan pengujian yang diperlukan dan dipersetujui oleh MyCC. (Mandatori)			
2.4.7	<p>Petender perlu melaksanakan Pengujian Penerimaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pra Ujian Penerimaan Pengguna (Pra-UAT) (bagi setiap modul yang siap dibangunkan perlu dilaksanakan oleh pasukan pembangun untuk memastikan fungsi-fungsi utama sistem berjalan dengan lancar sebelum UAT sebenar dilaksanakan); b) Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) (bagi setiap modul yang siap dibangunkan); c) Ujian Penerimaan Provisional (PAT); dan d) Ujian Penerimaan Akhir (FAT) dan petender perlu bersedia untuk menjalankan sesi pengujian ulangan sekiranya sesi pengujian yang dijalankan memperolehi status gagal atau tidak memenuhi kehendak MyCC. (Mandatori) 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.4.8	Petender perlu mendapatkan pengesahan MyCC bagi setiap pengujian sehingga pengujian tersebut diperaku berjaya oleh MyCC. (Mandatori)			
2.4.9	Petender perlu menjalankan pengujian dan membuat tindakan pembetulan ke atas semua masalah / kesilapan yang dilaporkan dan memastikan tiada sebarang ralat (error) sebelum diserahkan kepada MyCC. (Mandatori)			
2.4.10	Petender perlu mendapatkan pengesahan MyCC bagi setiap pengujian sehingga pengujian tersebut diperaku berjaya oleh MyCC. (Mandatori)			
2.4.11	Petender perlu memastikan kakitangan teknikal yang berkepakaran berada di lokasi semasa pengujian dijalankan. (Mandatori)			
2.4.12	Petender perlu membetulkan kecacatan / bugs yang ditemui sepanjang tempoh kontrak. (Mandatori)			
2.5	UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT)			
2.5.1	Petender perlu menyediakan Pelan Ujian UAT yang mengandungi strategi pengujian, rekabentuk pengujian, jenis pengujian dan serahan ujian peringkat UAT. (Mandatori)			
2.5.2	Petender perlu melaksanakan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) ke atas sistem yang diuji pada persekitaran pengujian (Staging) termasuk menguji keberkesanan integrasi dan migrasi. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.5.3	Petender perlu menyediakan senario pengujian dan skrip ujian agar setiap keperluan dapat diuji secara menyeluruh (semua peranan pengguna dapat diuji dan semua keperluan sistem dapat diuji). Petender perlu memastikan keberkesanan UAT dengan mengadakan sesi <i>Walkthrough</i> bersama pengguna sistem untuk menilai kesesuaian senario ujian. (Mandatori)			
2.5.4	Petender perlu melaksanakan UAT dalam beberapa kitaran mengikut perancangan di dalam Pelan Ujian UAT atau berdasarkan keperluan pengguna (bergantung kepada hasil ujian). Hasil ujian akan direkodkan dan dijadikan rujukan bagi aktiviti pembetulan ralat dan pengujian semula. Laporan UAT akan dikeluarkan selepas UAT tamat sebagai rujukan untuk PAT. (Mandatori)			
2.6	UJIAN PENERIMAAN PROVISIONAL (PAT)			
2.6.1	Petender perlu menyediakan Pelan Ujian PAT yang mengandungi strategi pengujian, rekabentuk pengujian, jenis pengujian dan serahan ujian peringkat PAT. (Mandatori)			
2.6.2	Petender perlu melaksanakan Ujian Penerimaan Provisional (PAT) yang merangkumi ujian fungsian ke atas sistem aplikasi yang telah dibangunkan manakala ujian bukan fungsian pula akan dilaksanakan dalam aktiviti <i>Security Posture Assessment</i> (SPA). (Mandatori)			
2.6.3	Petender perlu menyediakan Laporan Ujian Penerimaan Provisional (PAT) dan dikeluarkan selepas PAT disempurnakan. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPEKIFIKASI MINIMA	SPEKIFIKASI PENYEBUT HARGA
2.7	UJIAN PENERIMAAN AKHIR (FAT)			
2.7.1	Petender perlu melaksanakan Ujian Penerimaan Akhir (FAT) untuk mendapatkan persetujuan dari pemilik projek/pengguna bagi membolehkan sistem yang diuji memasuki fasa produksi dan juga Tempoh Jaminan (<i>Warranty Period</i>). (Mandatori)			
2.7.2	Petender perlu menyediakan Laporan Penamatan Ujian (<i>Test Completion Report</i>) dan dikeluarkan selepas PAT disempurnakan. (Mandatori)			
2.8	DEPLOYMENT			
2.8.1	Petender perlu melaksanakan deployment bagi Go-Live selepas pengujian yang dijalankan untuk Sistem IntelliX memperolehi status berjaya/ lulus berdasarkan tarikh dan masa yang ditentukan oleh pihak MyCC. (Mandatori)			
3.0	MIGRASI			
3.1	Petender perlu melaksanakan migrasi data-data dari sistem-sistem lain di MyCC. (Mandatori)			
3.2	Petender perlu menyediakan templat migrasi (contoh: EXCEL atau CSV) untuk pelaksanaan migrasi data lesen dari sistem-sistem lain di MyCC ke dalam pangkalan data Sistem IntelliX. Templat ini akan digunakan oleh MyCC untuk penyediaan data-data mengikut format yang telah ditetapkan. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
3.3	Petender perlu menyediakan persekitaran migrasi seperti berikut: a) Server Production; b) Server Staging. (Mandatori)			
3.4	Petender perlu melaksanakan dan memastikan migrasi data berfungsi sepenuhnya bagi semua persekitaran <i>staging</i> dan <i>production</i> . (Mandatori)			
3.5	Petender perlu melaksanakan migrasi data dari templat yang telah diisi oleh MyCC ke pangkalan data staging bagi tujuan pembersihan data terlebih dahulu sebelum di pindahkan ke pangkalan data production setelah pengujian selesai. <i>Tools</i> yang akan digunakan semasa migrasi adalah di bawah tanggungan Petender sekiranya menggunakan tools berlesen dan melibatkan kos. (Mandatori)			
3.6	Petender perlu melakukan pembersihan data, conversion data (sekiranya ada) dan perubahan struktur yang sesuai dengan mengambil kira peraturan bisnes yang telah ditetapkan. Perubahan struktur data yang sesuai adalah seperti penggabungan medan atau pengasingan data kepada dua atau lebih medan. Data yang telah dilakukan pembersihan, conversion data dan perubahan struktur perlu disahkan oleh MyCC. (Mandatori)			
3.7	Petender perlu melaksanakan pengujian setelah data-data berjaya di migrasi dan pembersihan selesai. Pengujian hendaklah dilakukan bersama MyCC dan kesahihan data perlu disahkan oleh MyCC. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
3.8	Petender perlu memastikan data lesen yang dipindahkan daripada lain-lain sistem di MyCC yang berkaitan kepada Sistem IntelliX boleh digunakan dan beroperasi dengan baik. (Mandatori)			
3.9	Petender perlu menyediakan skrip untuk muat naik data ke pangkalan data Sistem IntelliX menggunakan tools yang bersesuaian berdasarkan pemetaan jadual yang telah dilakukan sebelum ini. (Mandatori)			
3.1.10	Petender perlu menyediakan statistik yang berjaya dan gagal dimigrasi serta sediakan justifikasi kegagalan tersebut. (Mandatori)			
3.1.11	Petender perlu menyediakan laporan / dokumentasi tidak terhad kepada berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan Migrasi Data; ii. Spesifikasi Migrasi Data; iii. Pengujian dan Verifikasi Data; dan iv. Laporan Migrasi Data (Mandatori) 			
4.0	INTEGRASI			
4.1	Petender perlu bersedia melaksanakan dan memastikan Sistem IntelliX dapat diintegrasikan sepenuhnya dengan sistem aplikasi lain untuk meneruskan kesinambungan bisnes, memudahkan atau mengautomasi proses kerja MyCC. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
4.2	Petender perlu memastikan Sistem IntelliX mempunyai Centralized API Gateway yang akan menguruskan integrasi Sistem IntelliX dengan sistem aplikasi lain dan juga integrasi antara modul dalam IntelliX. (Mandatori)			
4.3	Petender perlu memastikan Konsep <i>High Availability</i> (HA) dan kluster yang sesuai perlu dilaksanakan bagi memastikan tahap ketersediaan perkhidmatan integrasi sentiasa berada pada kadar 99% uptime dan keselamatan data terjamin sepanjang waktu. (Mandatori)			
4.4	Petender perlu menyerahkan Pelan Integrasi Sistem yang dibentang dan mendapat pengesahan kesemua pemilik sistem yang terlibat dengan integrasi bagi memastikan aktiviti integrasi mendapat sokongan dan kerjasama. (Mandatori)			
4.5	Petender perlu mencadangkan Integration tools, teknologi dan platform yang akan digunakan tanpa kos tambahan kepada MyCC. (Mandatori)			
4.6	Petender perlu merujuk kepada kaedah komunikasi (<i>inbound/outbound</i>), kaedah integrasi (API/ SFTP/ MYGDX) untuk menentukan keperluan dan reka bentuk integrasi bagi integrasi dengan sistem-sistem lain. (Mandatori)			
4.7	Petender perlu memastikan setiap data berjaya dihantar dan diterima berjalan lancar dengan mengambil kira <i>error handling</i> di kedua-dua persekitaran (<i>both site</i>). (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
4.8	<p>Petender perlu menyediakan dokumen untuk integrasi termasuk dokumen yang diperlukan oleh agensi pembekal data tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan Analisis Keperluan Integrasi; ii. Pelan Integrasi Sistem; iii. Spesifikasi Integrasi Data; iv. Laporan Pengujian Integrasi Dengan Sistem Aplikasi Lain; v. Laporan Pengujian Integrasi Antara Modul; dan vi. Laporan Pengujian Integrasi Keseluruhan (Mandatori) 			
5.0	PENILAIAN KESELAMATAN (SECURITY POSTURE ASSESSMENT [SPA])			
5.1	<p>Petender perlu memastikan Pelan Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi projek mengandungi maklumat terperinci, menyatakan keutamaan aplikasi, kawalan capaian dan lain-lain keperluan khusus. (Mandatori)</p>			
5.2	<p>Petender perlu melaksanakan aktiviti <i>Security Posture Assessment</i> (SPA), iaitu penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT berdasarkan surat Pekeliling Am Bilangan 3/2009, Garis panduan tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT sektor awam dan melaksanakan hardening bagi semua komponen berkaitan susulan daripada hasil penemuan pelaksanaan SPA atau sebarang pengujian yang berkaitan. (Mandatori)</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
5.3	<p>Petender perlu melaksanakan <i>Security Posture Assessment (SPA)</i> dan <i>pentest</i> terhadap IntelliX tidak terhad kepada kerja-kerja berikut: - <i>Internal Penetration Test (IPT)</i> bagi sekurang-kurangnya 2 IP - <i>External Penetration Test (EPT)</i> bagi sekurang-kurangnya 1 IP - <i>Application Security Test</i> bagi sekurang-kurangnya 1 Sistem/ Aplikasi - <i>Database System Configuration and Vulnerability Assessment (DBA)</i> bagi sekurang-kurangnya 1 <i>Database</i> - <i>Host OS Configuration and Vulnerability Assessment (HVA)</i> bagi sekurang-kurangnya 3 server - <i>Source Code Review (Included Hardening) - Presentation - Hardening Workshop - Post Assessment - Reporting Printing - Project Management (Pre-Assessment, Assessment and Post Assessment)</i> (Mandatori).</p>			
5.4	<p>Petender perlu melaksanakan SPA sebanyak dua (2) kali terhadap sistem IntelliX mengikut kekerapan yang dipersetujui MyCC - Tahun 2025 sebanyak 2 kali. (Mandatori)</p>			
5.5	<p>Petender perlu bersedia untuk melaksanakan tidak terhad kepada stress test dan/ atau performance test bergantung kepada keperluan projek ini. (Mandatori)</p>			
5.6	<p>Petender perlu mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam melaksanakan SPA atau melantik pihak ketiga yang berkeelayakan untuk melaksanakan SPA tersebut. Sekiranya pihak Petender melantik pihak ketiga, cadangan lantikan pihak ketiga tersebut perlu mendapat persetujuan daripada pihak MyCC. (Mandatori)</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
5.7	Petender perlu membuat perancangan yang sebaiknya terhadap kerja-kerja SPA yang dilaksanakan. (Mandatori)			
5.8	Petender perlu memastikan segala data dan pengoperasian IntelliX tidak terjejas apabila SPA dilaksanakan dan sekiranya terdapat sebarang penemuan terhadap sebarang kebocoran data, pengubahsuaian data dan kegagalan pengoperasian IntelliX yang berpunca daripada kerja-kerja SPA yang dilaksanakan oleh pihak Petender, Petender perlu bertanggungjawab dan menjalankan aktiviti penyelenggaraan baik pulih terhadap IntelliX dan semua komponen yang terlibat. (Mandatori)			
5.9	Sebarang perubahan/ tambahan kod sumber (<i>source code</i>) bagi tujuan hardening perlu dimaklumkan kepada pihak MyCC dan menyerahkan dokumen kod sumber terkini kepada pihak MyCC untuk semakan dan rujukan. (Mandatori)			
5.10	Petender perlu mengemukakan laporan bertulis SPA dan pembentangan kepada pihak MyCC selepas kerja-kerja SPA selesai dilaksanakan. (Mandatori)			
6.0	PENGURUSAN PROJEK			
6.1	LATIHAN			
6.1.1	Petender perlu menyediakan Pelan, TOT Manual dan Dokumentasi Latihan merangkumi tidak terhad kepada Latihan Pentadbir Sistem dan Pemindahan Teknologi.			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
6.1.2	Petender perlu melaksanakan latihan dan latihan pemindahan teknologi kepada pengguna sistem IntelliX. (Mandatori)			
6.1.3	Petender perlu mengambil maklum bahawa kesemua modul latihan dan rujukan akan dibincangkan semasa sesi kajian keperluan pengguna dan perlu diluluskan oleh pihak MyCC sebelum bahan dimuktamadkan atau latihan dilaksanakan. (Mandatori)			
6.1.4	Petender perlu menyediakan bahan latihan dan menyediakan sijil berkaitan. (Mandatori)			
6.2	PENGURUSAN PROJEK			
6.2.1	Petender perlu bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan pengurusan projek yang komprehensif sepanjang tempoh pelaksanaan projek. (Mandatori)			
6.2.2	Petender perlu memastikan metodologi dan penyediaan dokumentasi yang lengkap pengurusan projek adalah berpandukan Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 2018: Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA). (Mandatori)			
6.2.3	Petender perlu menyediakan satu pasukan pengurusan projek yang akan bekerjasama dengan pasukan pengurusan projek MyCC bagi mengurus dan memantau kemajuan projek dalam tempoh pelaksanaan projek. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
6.2.4	Petender perlu mengemukakan jadual pelaksanaan projek yang lengkap dalam bentuk carta Gantt bagi skop kerja projek dan dokumentasi lengkap Pengurusan Projek. (Mandatori).			
6.2.5	Petender perlu bertanggung jawab bagi memastikan projek dilaksanakan dengan mematuhi piawaian, panduan dan prosedur serta mencadangkan tadbir urus projek yang baik. (Mandatori)			
6.3	SERAHAN DAN DOKUMENTASI			
6.3.1	Petender perlu menyediakan dan menyerahkan dokumentasi lengkap dan menyeluruh (hardcopy dan softcopy) untuk Projek Sistem IntelliX. (Mandatori)			
6.3.2	Petender perlu memastikan bahawa semua dokumen perlu mematuhi konvensyen penulisan standard yang jelas dan mudah difahami. (Mandatori)			
6.3.3	Petender perlu menerima pakai dan melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan dokumentasi yang berkualiti. (Mandatori)			
6.3.4	Semua dokumentasi perlu bersifat <i>Living Document</i> yang mana perlu dikemaskini selaras dengan keperluan semasa. (Mandatori)			
6.3.5	Petender perlu memastikan semua dokumentasi yang diserahkan kepada MyCC HENDAKLAH versi terkini. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
6.3.6	Petender perlu menyediakan dokumentasi dan tidak terhad mengikut skop yang telah dinyatakan di dalam projek. Walaubagaimanapun, Petender boleh mencadangkan semula susunan dokumen dan fasa mengikut kesesuaian pelaksanaan projek oleh Petender tertakluk kepada persetujuan MyCC. (Mandatori)			
6.3.7	Petender perlu menyediakan dokumentasi dalam bahasa Melayu DAN Bahasa Inggeris dan mencetak dokumentasi dengan kuantiti yang telah ditetapkan oleh MyCC. Dokumen versi terakhir yang disahkan oleh MyCC perlu dicetak berjilid. Petender perlu menyediakan reka bentuk untuk cetakan dan perlu mendapatkan pengesahan MyCC sebelum mencetak. Semua dokumentasi adalah mengikut format Garis Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) yang diterbitkan oleh MAMPU. (Mandatori)			
7.0	PEMBEKALAN PERISIAN			
7.1	LANGGANAN SIJIL SECURE SOCKETS LAYER (SSL)			
7.1.1	<p>Petender perlu melaksanakan kerja-kerja membekal, menghantar, mereka bentuk, memasang, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah perisian SSL mengikut perincian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) penyediaan domain bagi sistem IntelliX b) Onsite Support - 24x6 c) 2048-bit key length d) SHA2 signing algorithm 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	e) 256-bit encryption f) Free remote assistance (via email/phone) g) CSR generation assistance (via email/phone) h) Free re-issuance (same domain name) (Mandatori)			
7.1.2	Petender perlu memberikan khidmat sokongan sepanjang tempoh langganan bermula daripada tarikh pemasangan perisian. (Mandatori)			
7.1.3	Petender perlu memastikan perisian yang dibekalkan boleh beroperasi dengan lancar bersesuaian dengan infrastruktur yang disediakan oleh MyCC di PDSA MAMPU. (Mandatori)			
7.2	LANGGANAN LESEN PANGKALAN DATA			
7.2.1	Petender perlumelaksanakan kerja-kerja membekal, menghantar, mereka bentuk, memasang, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah perisian Lesen Pangkalan Data (versi Enterprise terkini) (Mandatori)			
7.2.2	Petender perlu menyatakan nama perisian pangkalan data yang dicadangkan dan tidak terhad kepada MySQL. (Mandatori)			
7.2.3	Petender perlu membekalkan enam (6) unit perisian pangkalan data berlesen dengan versi Enterprise terkini. (Mandatori)			
7.2.4	Petender perlu memastikan perisian yang dibekalkan perlulah yang asli (original) dan bukan trial version atau freeware. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
7.2.5	Petender perlu membekalkan perisian untuk langganan selama tiga (3) tahun. (Mandatori)			
7.2.6	Petender perlu memastikan pengurusan dan kawalan keselamatan pangkalan data yang dicadangkan HENDAKLAH mempunyai ciri-ciri berikut dan tidak terhad seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> a) Keselamatan pengguna (User Security); b) Keselamatan Data (Data Security); c) Secure Login and Data Hardening; d) Keselamatan Log (Log Security); e) Audit Trail; f) Pengurusan Backup dan Recovery; dan g) Data Masking (Mandatori) 			
7.2.7	Petender perlu memastikan pembekalan perisian dilaksanakan dalam tempoh 14 hari perolehan dilaksanakan. (Mandatori)			
7.2.8	Petender perlu memberikan khidmat sokongan sepanjang tempoh langganan bermula daripada tarikh pemasangan perisian. (Mandatori)			
7.2.9	Petender perlu memastikan perisian yang dibekalkan boleh beroperasi dengan lancar bersesuaian dengan infrastruktur yang disediakan oleh MyCC di PDSA MAMPU. (Mandatori)			
8.0	PERKHIDMATAN LAIN			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
8.1	INSTALLASI DAN KONFIGURASI SERVER DAN INFRASTRUKTUR ICT			
8.1.1	Petender perlu mencadangkan arkitektur yang berupaya menyediakan skalabiliti dalam memori dan penggunaan CPU berdasarkan keperluan daripada modul, komponen dan perkhidmatan. (Mandatori)			
8.1.2	Petender perlu memastikan penyelesaian yang dicadangkan dapat menyokong server clustering untuk menyediakan ketersediaan yang tinggi (High Availability). Jika satu server gagal, server yang lain boleh menanggung beban agar sistem aplikasi terus berjalan. (Mandatori)			
8.1.3	Petender perlu memastikan penyelesaian yang dicadangkan menyediakan Load Balancer bagi membolehkan pengagihan trafik rangkaian dan dalam meningkatkan prestasi dan ketersediaan aplikasi. (Mandatori)			
8.1.4	Petender perlu memastikan Load Balancer mampu menampung beban minimum 10,000 permintaan serentak. (Mandatori)			
8.1.5	Petender perlu memastikan ketersediaan Logs yang menyimpan maklumat terperinci tentang semua permintaan yang dihantarkan kepada Load Balancer. (Mandatori)			
8.1.6	Petender perlu memastikan Load Balancer yang digunakan dapat mengagihkan maklumat kepada dua atau lebih zon ketersediaan. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
8.1.7	Petender perlu mencadangkan penyelesaian yang menyediakan keupayaan dan kebolehan melaksanakan pemantauan prestasi dan pemberitahuan awal (alert) untuk: <ul style="list-style-type: none"> a) Penggunaan storan; b) Penggunaan memori; (Mandatori) 			
8.1.8	Petender perlu memastikan persekitaran Fail Over Cluster dapat berfungsi dengan baik. (Mandatori)			
8.1.9	Petender perlu memastikan data synchronization antara server production termasuk HA server, Repositori server dan DRC berfungsi dengan baik tanpa berlaku kehilangan data. (Mandatori)			
8.1.10	Petender perlu melaksanakan satu (1) kali simulasi Pemulihan Bencana bagi memastikan ketersediaan persekitaran DR berada dalam keadaan baik pada tahun 2026. (Mandatori)			
8.1.11	Petender perlu mencadangkan arkitektur repositori server yang berupaya menyimpan data penting dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun kebelakang. (Mandatori)			
8.1.12	Petender perlu memastikan sistem pengoperasian Linux versi terkini dipasang pada server tidak terhad kepada mana-mana varian perisian Linux. (Mandatori)			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
8.1.13	Petender perlu memastikan konfigurasi bagi keselamatan server dilaksanakan dan berfungsi dengan baik seperti Access Control List (ACL) dan SSH Private Key. (Mandatori)			
8.2	SOKONGAN DAN WARANTI			
8.2.1	<p>Petender perlu menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) secara terperinci yang akan digunakan disepanjang tempoh jaminan dan sokongan bagi perkara tidak terhad seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Aliran proses sokongan ii. Kaedah penghubungan dan pelaporan iii. Sokongan pihak principal iv. Lain-lain perincian sokongan yang berkaitan (Mandatori) 			
8.2.2	Petender perlu menyediakan perkhidmatan jaminan dan sokongan bagi sistem aplikasi yang dibangunkan sekurang-kurangnya satu (1) tahun bermula selepas sign-off Ujian Penerimaan Akhir (FAT). (Mandatori)			
8.2.3	Petender perlu menyediakan Khidmat Meja Bantuan yang menerima aduan pengguna dan beroperasi selama 24 jam sehari dan tujuh (7) hari seminggu (24 x 7). (Mandatori)			
8.2.4	Petender perlu menjalankan perkhidmatan sokongan aplikasi, perisian, dan pangkalan data, termasuk penyelesaian masalah dan			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	ralat, tuning, back-up dan restore sepanjang tempoh jaminan dan sokongan yang dinyatakan diatas. (Mandatori)			
8.2.5	Petender boleh dikenakan penalti akibat dari kegagalan memberi sokongan dalam masa yang telah ditetapkan. (Mandatori)			
9.0	INDEPENDENT VERIFICATION AND VALIDATION (IV V)			
9.1	<p>Petender perlu melantik Pasukan IV V untuk menjalankan aktiviti IV V dengan mematu syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pasukan IV V yang dilantik hendaklah dipersetujui oleh pihak MyCC; b) Pasukan IV V yang dilantik hendaklah tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan petender dari segi pengurusan, kewangan dan pemilikan (share); dan c) Pasukan IV V yang dilantik tidak terlibat dalam aktiviti pembangunan sistem termasuk pengujian (merangkumi ujian sistem dan ujian penerimaan) bagi Sistem IntelliX. 			
9.2	<p>Petender dan Pasukan IV V yang dilantik perlu memastikan aktiviti pembangunan sistem mematuhi piawaian serta amalan terbaik pengujian dan jaminan kualiti perisian berdasarkan kepada garis panduan dan piawaian berikut dan tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) ISO/IEC/IEEE 29119 part 1 – 4 (Software and Systems Engineering - Software Testing); 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	<ul style="list-style-type: none"> b) ISO/IEC/IEEE 29148 (Systems and Software Engineering - Life Cycle Processes - Requirements Engineering); c) IEEE Std 1012™-2012 (IEEE Standard for System and Software Verification and Validation); d) ISO/IEC 25010 (Systems and Software Engineering - Systems and Software Quality Requirements and evaluation (SQuaRE) - System and Software Quality Model); e) Buku Panduan IV V (Independent Verification Validation (IV V) Handbook); dan f) Buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA). 			
9.3	<p>Petender perlu memastikan aktiviti IV V dilaksanakan seperti berikut dan tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Penyediaan Pelan IV V b) QG 1: Requirements <ul style="list-style-type: none"> - Membuat semakan awal terhadap keperluan sistem dan menghasilkan dokumen Early Testing Report. - Menyediakan laporan Analisis Traceabilit dan menghasilkan dokumen Traceability Analysis Report. - Menyediakan laporan analisis risiko dan menghasilkan dokumen Risk Analysis Report. -Menyemak Master Test Plan dan menghasilkan dokumen Master Test Plan Review Report. 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA
	<ul style="list-style-type: none"> - Menyemak laporan Configuration Management dan menghasilkan dokumen Configuration Management Review Report. - Melaksanakan penganggaran saiz perisian dan menghasilkan dokumen Function Point Analysis Report. <p>c) QG 2: High-Level Design</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan laporan penilaian high level design dan menghasilkan dokumen High Level Design Evaluation Report, mengemaskini laporan Analisis Traceability - Mengemaskini laporan analisis risiko yang mengandungi data terbaru mengenai risiko yang telah dikenalpasti. Ini termasuk maklumat tentang insiden yang telah berlaku, perubahan dalam persekitaran operasi, dan faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi risiko. 			

Tiga (3) Modul Sistem *Intellix*:

BIL	MODUL	SUB MODUL	KETERANGAN
1.	1. Pra-Siasatan	1.1.1: Pengurusan Aduan	1) Tahun 2) No. Rujukan (Lama) 3) No. Rujukan (Baru) 4) Nama Kes 5) Pegawai Penyiasat 6) Aduan 7) Tarikh 8) Nama Pengadu 9) Mod 10) Ringkasan Aduan 11) Nama Perusahaan Disasarkan 12) Industri 13) Sektor Swasta / Awam 14) Pasaran Berpotensi 15) Sektor 16) Penilaian 17) Sek.4 atau Sek.10, Akta Persaingan 2010 18) Perincian Sek.4 atau Sek.10

BIL	MODUL	SUB MODUL	KETERANGAN
			19)Pengurusan Bahan Bukti 20)Sek.16, Akta Persaingan 2010 21)Sek.16/17, Akta Suruhanjaya Persaingan 22)Carian Maklumat SSM 23)Lain-lain (Mesyuarat dsb) 24)Penutupan 25)Surat Penutupan 26)PAR Untuk Siasatan 27)Nasihat Polisi atau Surat Amaran (Selepas Penilaian)
		1.1.2: Ex-Officio	1) Tahun 2) No. Rujukan (Lama) 3) No. Rujukan (Baru) 4) Nama Kes 5) Pegawai Penyiasat 6) Nama Perusahaan Disasarkan 7) Industri 8) Sektor Swasta / Awam 9) Pasaran Berpotensi 10)Sektor 11)Penilaian

BIL	MODUL	SUB MODUL	KETERANGAN
			12)Sek.4 atau Sek.10, Akta Persaingan 2010 13)Perincian Sek.4 atau Sek.10 14)Pengurusan Bahan Bukti 15)Sek.16, Akta Persaingan 2010 16)Sek.16/17, Akta Suruhanjaya Persaingan 17)Carian Maklumat SSM 18)Lain-lain (Mesyuarat dsb) 19)Penutupan 20)PAR Untuk Penutupan atau Siasatan
		1.1.3: Arahan Kementerian (<i>Ministrial Direction</i>)	1) Tahun 2) No. Rujukan (Lama) 3) No. Rujukan (Baru) 4) Nama Kes 5) Pegawai Penyiasat 6) <i>Ministerial Direction</i> 7) Tarikh 8) Ringkasan <i>Direction</i> 9) Nama Perusahaan Disasarkan 10)Industri 11)Sektor Swasta / Awam

BIL	MODUL	SUB MODUL	KETERANGAN
			12)Pasaran Berpotensi 13)Sektor 14)Penilaian 15)Sek.4 atau Sek.10, Akta Persaingan 2010 16)Perincian Sek.4 atau Sek.10 17)Pengurusan Bahan Bukti 18)Sek.16, Akta Persaingan 2010 19)Sek.16/17, Akta Suruhanjaya Persaingan 20)Carian Maklumat SSM 21)Lain-lain (Mesyuarat dsb) 22)Penutupan 23)PAR Untuk Penutupan atau Siasatan
2.	2. Siasatan		1) Tahun 2) No. Rujukan (Lama) 3) No. Rujukan (Baru) 4) Nama Kes 5) Pegawai Penyiasat 6) Profil Kes 7) Siasatan di bawah Sek.14 atau Sek.15 8) Potensi Perlanggaran (Sek.4 atau Sek.10, Akta Persaingan 2010)

BIL	MODUL	SUB MODUL	KETERANGAN
			9) Perlakuan Berpotensi 10) Tarikh Siasatan 11) PAR 12) ARF 13) Nama Perusahaan Disasarkan 14) Pengurusan Kes 15) Diari Siasatan 16) Pengurusan Bahan Bukti 17) Carian Maklumat SSM 18) Sek.18 19) Sek.20 20) Sek.25 21) Senarai Borang 22) Senarai Rakaman Percakapan 23) Penutupan 24) Laporan Siasatan 25) Laporan Penalti Kewangan (jika ada)
3.	3. Pasca Siasatan		1) Tahun 2) No. Rujukan (Lama) 3) No. Rujukan (Baru)

BIL	MODUL	SUB MODUL	KETERANGAN
			4) Nama Kes 5) Laporan Siasatan 6) Keputusan Cadangan (PD) 7) Tarikh 8) Lampiran 9) Pengurusan Kes 10) Akses Kepada Rekod 11) Representasi Bertulis 12) Representasi Lisan 13) Mesyuarat Kes 14) Keputusan Akhir (FD) 15) Laporan Penalti Kewangan (jika ada)

LAMPIRAN A2

Cadangan Rekabentuk Sistem

*Digalakkan menyediakan dalam bentuk softcopy (mock up yang turut disertakan "link")

LAMPIRAN A3

Cadangan Jadual Pelaksanaan Projek

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2

(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)

KATEGORI KEWANGAN

MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebut harga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (S), Bil.9/2024 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
1.	Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani (Lampiran B1)			
2.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Lampiran B2)			
3.	Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Sekiranya ada) (Lampiran B3)			
4.	Lampiran Q yang telah dilengkapkan dan ditandatangani (Lampiran B4)			
5.	Keterangan Mengenai Pembekal (Lampiran B5)			

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (S), Bil.9/2024 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
6.	Jadual Harga Bagi Spesifikasi Membangun Sistem Pengurusan Maklumat (Intellix) yang telah diisi dan dilengkapkan (Lampiran B6)			
7.	Penyata Kewangan Bagi tiga (3) Bulan terakhir dilabelkan *Bulan Julai, Ogos, September (Lampiran B7)			
8.	Senarai Nama Projek Yang Pernah Dilaksanakan dilabelkan (Lampiran B8)			

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
 Nama Prinsipal :
 No. K.P :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBANGUN DAN MENYEDIAKAN SISTEM
PENGURUSAN MAKLUMAT (INTELLIX) SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 9/2024

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) _____ nombor kad pengenalan _____ yang mewakili (*Nama Syarikat*) _____ no.pendaftaran (*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan Syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 Juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan Bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

LAMPIRAN B2

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan)

LAMPIRAN B3

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan sekiranya ada, sekiranya tiada; kosongkan ruangan ini)

LAMPIRAN B4

(Kew. 284 – Pin. 2/94)

LAMPIRAN Q

**No. Sebut Harga:
MyCC (S) Bil. 9/2024**

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
dengan pembelian ini

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan
Membangun dan Menyediakan Sistem
Pengurusan Maklumat (Intellix)
Suruhanjaya Persaingan Malaysia
MyCC (S) Bil.9/2024**

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh
Suruhanjaya (Alamat Lengkap)

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Bahagian Pengurusan Korporat
Menara SSM@Sentral, Level 15,
No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur
Sentral, 50623 Kuala Lumpur.**

.....
No. Telefon 03-2273 2277

Tarikh Pelawaan: **22 Oktober 2024 (Selasa)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah
tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan Seperti di dalam dokumen Sebut Harga

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki Mengikut syarat-syarat dalam kontrak

1.3 Arahan Pengiriman Bahagian Pengurusan Korporat, Suruhanjaya Persaingan Malaysia

1.4 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda
No. Sebut Harga MyCC (S) Bil. 9/2024

1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di
atas tidak lewat pada **12 November 2024 (Selasa), jam 12.00 tengahari.**

Tempoh sahlaku Sebut Harga
1.6 hendaklah 90 hari selepas tarikh
tutup

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh penyebutharga	
	<p>Sebut Harga bagi Perkhidmatan Membangun dan Menyediakan Sistem Pengurusan Maklumat (Intellix) Suruhanjaya Persaingan Malaysia MyCC (S) Bil.9/2024</p> <p>Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				
				Jumlah	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

*wajib nyatakan tempoh siap

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga:

Nama dan K/P:

Tarikh : Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang
SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu atau diubah dengan khususnya oleh Pembida.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

4. BARANG-BARANG SETARA

Pembida boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi

5. PENYETUJUAN

(i) Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetujui terendah atau mana-mana sebutharga.

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Suruhanjaya adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

(ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa ^{Barang-barang}Perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam piawaian ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

(iii) Fasal-kecil (i) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkinan kontrak

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL

- 1. NAMA SYARIKAT :**
- 2. ALAMAT SYARIKAT :**
- 3. NO. TELEFON :**
NO. FAX :
- 4. TARIKH DITUBUHKAN :**
- 5. JENIS SYARIKAT :**
- 6. JENIS PERNIAGAAN :**
- 7. NAMA Pengerusi :**
- 8. KOMPOSISI MODAL :**
- 9. LEMBAGA PENGARAH :**
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
 - e.
- 10. NAMA DAN KEWARGANEGARAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH :**
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.

11. PENDAFTARAN SYARIKAT :

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh ditubuhkan :

12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh Mula Pendaftaran :
- c. Bidang Pendaftaran :
 - i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.

13. STATUS SYARIKAT :

- a. 100% Kepunyaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara syarikat Tempatan/ Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain- Lain (Sila Nyatakan)

14. PERATURAN KAKITANGAN :

- a. Bumiputera
- b. Bukan Bumiputera

15. MODAL :

- a. Modal Dibenarkan :
- b. Modal Berbayar :

16. BANK :

- a. Nama Bank :
- b. No. Akaun Bank :

17. BILANGAN KAKITANGAN :

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Lain-Lain
Pentadbiran/Pengurusan			
Teknikal/ Profesional			
Lain-Lain (nyatakan)			

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

Saya memperakui segala keterangan yang disertakan adalah benar.

T/TANGAN PENYEBUT HARGA : _____

TARIKH : _____

NAMA : _____

JAWATAN RASMI DALAM SYARIKAT : _____

T/TANGAN SAKSI : _____

NAMA : _____

JAWATAN : _____

Suruhanjaya Persaingan (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

JADUAL HARGA

*Perkhidmatan Membangun dan Menyediakan Sistem Pengurusan Maklumat (Intellix)
Suruhanjaya Persaingan Malaysia*

Bil.	Perkara / Kerja	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)
1.0	ANALISIS KEPERLUAN SISTEM	<i>Lump-sum</i>	
2.0	PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN (IntelliX)		
3.0	MIGRASI		
4.0	INTEGRASI		
5.0	PENILAIAN KESELAMATAN [SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA)]		
6.0	PENGURUSAN PROJEK		
7.0	PEMBEKALAN PERISIAN		
8.0	PERKHIDMATAN LAIN		
9.0	INDEPENDENT VERIFICATION AND VALIDATION (IV V)		
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)		

LAMPIRAN B7

Sila lampirkan Penyata Kewangan yang lengkap tiga (3) bulan terakhir
(Ogos, September & Oktober 2024)

LAMPIRAN B8**1. Senarai Nama Projek/Kajian Yang Pernah Dilaksanakan :**

Bil	Nama Projek	Tahun Projek Dilaksanakan	Tempoh Pelaksanaan	Organisasi	Nilai Projek (RM)	Jumlah Kakitangan yang terlibat
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, Penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walaubagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.